

Pemangkasan Pokok Koko

Nota

Pemangkasan menjadikan bentuk pokok koko yang sesuai serta lebih mudah diuruskan kelak

Pemangkasan atau cantasan merupakan satu aktiviti penting dalam penanaman koko dan MESTI dijalankan ke atas pokok koko. Pemangkasan bertujuan memperbaiki pengudaraan di sekeliling dan di antara pokok, mengurangkan risiko serangan perosak dan penyakit, membentuk pokok yang sesuai untuk memudahkan kerja penyelenggaraan pokok koko dan penuaian hasil serta mendapatkan bentuk kanopi yang seimbang dengan bilangan jumlah daun yang optimum bagi seunit kawasan.



Peralatan untuk pemangkasan-scateurs, gunting panjang, parang dan juga gergaji dahan yang dipasang pada gahang panjang (1.0)

Tiga jenis pemangkasan yang dilakukan iaitu pemangkasan pembentukan (1.1), pemangkasan penjagaan (1.2) dan pemangkasan pembentukan semula (1.3)

1

PEMANGKASAN PEMBENTUKAN

Dilakukan di peringkat awal pertumbuhan dan perkembangan pokok untuk mendapat sisi yang seimbang dan memelihara dahan yang akan mengeluarkan buah

Pokok asal perlu dicantum untuk menggalakkan pertumbuhan cantuman



Bila pokok klon mencapai ketinggian 45 – 60 sm (2.1), potong pucuk utama (2.2) untuk menggalakkan tunas ketiak berkembang menjadi dahan sisi (2.3)

Cantuman baru perlu diikat pada batang pokok asal untuk mendapatkan pokok yang seimbang (2.4)



Hanya 3 – 4 dahan sisi yang membesar pada sudut 45° akan dibiarkan tumbuh di pokok (2.5)

3

PEMANGKASAN PEMBENTUKAN SEMULA



Dilakukan kali pertama selepas 9 – 12 bulan pokok koko dicantum di ladang.

Dahan yang tinggi dan panjang melebihi 3–4 m mesti dibuang untuk mengekalkan ketinggian pokok antara 3–4 m dari paras tanah.



Dahan yang bersilang dan bertaut antara pokok dalam barisan dan antara barisan hendaklah dicantas

2

PEMANGKASAN PENJAGAAN

Dilakukan setiap 1 hingga 3 bulan sekali dan elakkan semasa musim koko berbuah



Tunas air (3.1), dahan yang tumbuh ke dalam (3.2), dahan berpenyakit (3.3), dahan melampaui, dahan patah dan dahan yang padat dan rapat diantara dahan utama dan diantara kanopi pokok perlu dibuang.



Dahan yang dipotong perlu rapat pada batang supaya lebih kemas dan tidak mengganggu pengurusan



Cantasan penjagaan boleh dilakukan serentak dengan pusingan penuaian untuk mengurangkan kos tenaga kerja

JIKA TIADA PEMANGKASAN

Pokok koko dewasa akan kurang berbunga menyebabkan hasil koko menurun



Menjadi perumah makhluk perosak dan penyakit



Buah mudah diserang mamalia perosak dan penyakit buah hitam

